

# Tindakan tegas jaga maruah negara

Berikut adalah kenyataan akhbar Perdana Menteri yang dikeluarkan di Putrajaya semalam



NAJIB sebak ketika menyentuh insiden pencerobohan di Sabah yang mengorbankan lapan anggota keselamatan dalam ucapannya pada Majlis Perhimpunan Perdana Ulama-Umara dan Asnaf di Stadium Putra Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

**SEJAK** pencerobohan oleh kumpulan bersenjata di Lahad Datu pada 12 Februari lalu, kerajaan telah mengambil pendekatan untuk menyelesaikan konflik ini tanpa pertumpahan darah. Pihak polis telah mengadakan pertemuan dan rundingan dengan harapan penceroboh akan bersetuju keluar dengan aman tanpa dikenakan sebarang tindakan undang-undang yang serius.

Semakin lama pencerobohan ini berlanjutan, jelas kepada pihak berkuasa bahawa penceroboh tidak berniat untuk keluar dari tanah Sabah. Pada hari Jumaat lepas mereka telah melepaskan tembakan ke arah anggota polis yang bertugas di kawasan tersebut menyebabkan dua anggota kita terbunuh, sehari kemudian enam lagi anggota polis dibunuh oleh penceroboh di Semporna.

Setelah serangan yang pertama, saya telah menegaskan bahawa penceroboh mesti menyerah diri dan jika mereka enggan pihak berkuasa negara ini akan bertindak.

Sebagai negara Islam yang cintakan keamanan dan mengangkatkan perjuangan penyelesaian konflik secara perundingan, usaha kita mengelakkan pertumpahan darah di Lahad Datu tidak berjaya. Sebaliknya, anggota pasukan keselamatan kita diserang dan dibunuh, rakyat Malaysia khususnya di Sabah bimbangkan keselamatan mereka.

Kerajaan mesti mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjaga maruah dan kedaulatan negara sebagaimana yang dituntut oleh rakyat. Pada jam 7 pagi semalam pasukan keselamatan telah melancarkan serangan di Kampung Tanduo.

# KL, Manila guna istilah pengganas

**KUALA LUMPUR** - Malaysia menganggap penceroboh bersenjata Sulu yang membunuh lapan anggota polis Malaysia di Lahad Datu dan Semporna, Sabah sebagai pengganas dan ini turut dikongsi Setiausaha Luar Filipina, Albert F. Del Rosario.

"Setiausaha Rosario bersetuju kumpulan ini patut dilabelkan sebagai pengganas," kata Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dalam kenyataan semalam.

Kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan di sini malam kelmarin untuk membincangkan perkembangan yang berlaku di kedua-dua pekan di Sabah itu.

"Kita menghargai pendirian kerajaan Filipina dan Presiden Benigno Aquino yang menggesa kumpulan Sulu itu menyerah diri dan pulang ke Filipina," kata Menteri Luar Malaysia itu.

Mengenai hasrat Manila supaya anggota kumpulan itu didakwa di mahkamah Filipina, Anifah berkata, Malaysia perlu mendapatkan penjelasan mengenai un-



**KERATAN Kosmo!**  
2 Mac 2013.

dang-undang yang mereka akan didakwa, dan untuk undang-undang itu dikaji oleh Peguam Negara Malaysia.

"Setiausaha Rosario memberi jaminan bahawa kerajaan Filipina akan membawa kumpulan Sulu yang terlibat dengan keganasan di Lahad Datu dan Semporna ke muka pengadilan.

"Saya juga menekankan bahawa tindakan perlu dikenakan terhadap Jamalul Kiram III ke atas pelbagai kenyataan beliau yang membangkitkan perasaan kebencian dan kemarahan," kata Anifah yang merujuk kepada Jamalul Kiram yang mendakwa kononnya beliau Sultan Sulu. - Bernama

# Polis tak umum jumpa mayat

**KUALA LUMPUR** - Drama pencerobohan kumpulan pengganas Sultan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah mencapai kemuncak semalam apabila pasukan keselamatan melancarkan serangan melalui Ops Daulat secara besar-besaran di kawasan yang ditawan sejak 22 hari lalu.

Gerakan pukul 7 pagi itu bermula dengan serangan bom MK81 seberat 113 kilogram sebutir itu berlangsung hampir 30 minit membabitkan lapan jet pejuang masing-masing tiga buah F/A-18D Hornet dan lima buah Hawk 208.

Sebaik serangan udara yang dibuat dalam lingkungan empat kilometer di kampung itu

tamat, pasukan infantri Rejimen Askar Melayu Diraja pula melepaskan tembakan mortar untuk melumpuhkan saki-baki musuh.

Selepas itu, anggota komando Tentera Darat dan polis bersama kenderaan perisai Condor memasuki lokasi serangan untuk operasi penggeledahan kawasan yang diserang.

Bagaimanapun, sehingga lewat malam tadi, polis mahupun pihak tentera tidak mengumumkan mengenai penemuan mayat atau senjata api puak pengganas.

Satu sumber berkata, penggeledahan awal di kawasan Kampung Tanduo mendakwa tidak menemui mayat puak

pengganas yang mati akibat terkena bom.

Pihak keselamatan didakwa hanya menemui mayat 14 orang dipercayai anggota pengganas yang sudah berulat dan kembang dipercayai mati dalam pertempuran pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Malaysia mengambil keputusan melancarkan Ops Daulat ke atas kubu pengganas itu selepas usaha mencari penyelesaian secara aman gagal.

Dalam pada itu, ada satu sumber lain mendakwa, puak pengganas dikatakan sudah meninggalkan kubu mereka sebelum serangan bermula pagi semalam.

Perkara itu dikuatkan lagi

dengan dakwaan yang mengatakan ada penduduk nampak sekumpulan kira-kira 200 orang merangkak meninggalkan kampung itu pada waktu malam kelmarin.

Sementara itu, kakitangan di Hospital Lahad Datu yang menunggu sejak 7 pagi sehingga petang semalam tidak menerima apa-apa mayat atau pengganas yang cedera.

Pengarahnya, Dr. Tan Hee Ting berkata, 60 kakitangannya bersiap sedia untuk merawat mana-mana mangsa dan mereka yang cedera.

Beliau berkata, Hospital Lahad Datu dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi bagi krisis itu.

**Pihak keselamatan didakwa hanya menemui mayat 14 orang dipercayai anggota pengganas yang sudah berulat dan kembang dipercayai mati dalam pertempuran pada Jumaat dan Sabtu lalu**



SEBAHAGIAN daripada anggota komando tentera yang terlibat dalam Ops Daulat di Kampung Tanduo, Lahad Datu semalam.



KERETA perisai Condor keluar dari Kampung Tanduo selepas melakukan serangan di kawasan yang ditawan pengganas Sultan Sulu semalam.